

**SURAT PEKELILING  
PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG  
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

---

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN  
NEGERI PAHANG TAHUN 2026**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan tahun 2026.

**2. SENARIO EKONOMI DAN FISKAL NEGARA**

- 2.1 Bagi tahun 2025, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global adalah sebanyak 3.3%, sedikit lebih perlahan berbanding tahun 2024 iaitu 3.4%. Aktiviti ekonomi dijangka terus mendapat dorongan daripada keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan, kadar inflasi yang lebih terkawal serta pelonggaran dasar monetari yang berterusan di kebanyakan negara utama. Kesemua faktor ini dijangka dapat mengurangkan kesan negatif daripada ketidakpastian berkaitan tarif dan dasar lain oleh ekonomi-ekonomi utama, selain ketegangan geopolitik yang berterusan.

- 2.2 Sementara itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2025 diunjurkan berkembang pada kadar antara 4.5% hingga 5.5%, berbanding unjuran antara 4.8% hingga 5.3% bagi tahun 2024. Walaupun ketidakpastian luaran berterusan, pertumbuhan dalam negeri akan kekal berdaya tahan. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan kepelbagaian ekonomi Malaysia. Pertumbuhan tenaga pekerja dan pendapatan akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan juga dijangka kekal mantap, didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun yang baharu dan sedia ada yang berterusan. Walaupun persekitaran luar yang tidak menentu eksport dijangka masih meraih manfaat daripada peningkatan kitaran teknologi global dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi.
- 2.3 Kadar inflasi bagi tahun 2025 pula disasarkan berkurang kepada 3.8%, berbanding 4.1% pada tahun 2024, selaras dengan tekanan kos yang kekal terkawal susulan pemulihan berterusan rantai bekalan global. Unjuran ini turut mengambil kira kemungkinan peningkatan harga berikutan pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi bahan api. Kesan langsung daripada pelarasan harga sekali sahaja bahan api RON95 diunjurkan luput setahun selepas pelaksanaannya apabila kesan asas mereda.
- 2.4 Bagi merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi, Kerangka Ekonomi MADANI telah menetapkan keutamaan negara melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif sebagai langkah menangani isu-isu struktural dengan memberi penekanan kepada pendekatan "*Menaikkan Siling*", iaitu mentransformasikan landskap ekonomi negara, dan pada masa yang sama "*Menaikkan Lantai*". Pendekatan ini dilakukan melalui usaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat serta melaksanakan pembaharuan sektor awam. Pelaksanaan kerangka ini diperkukuh melalui pelbagai strategi yang digariskan dalam dokumen dasar utama seperti **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021–2025**, **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)**, dan **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)**.

- 2.5 Dalam menghadapi cabaran ruang fiskal yang terhad, Kementerian, Jabatan dan Agensi pelaksana perlu memastikan kesinambungan momentum pertumbuhan ekonomi serta pengukuhan kedudukan fiskal negara tidak tergugat. Bagi memastikan keberkesanan perbelanjaan awam, tatakelola perolehan Kerajaan akan dipertingkatkan bagi memperoleh nilai faedah terbaik serta mengoptimumkan kecekapan perbelanjaan. Di samping itu, program dan projek yang bertindih akan disusun semula agar pelaksanaannya lebih terfokus dan dapat memberikan impak yang lebih tinggi kepada pembangunan negara.
- 2.6 Selaras dengan hasrat memperkukuh disiplin fiskal dan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan awam, **Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (Akta 850)** telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024. Seiring penguatkuasaan Akta tersebut, dasar perbelanjaan awam perlu digubal dengan berkesan, manakala pelaksanaan perbelanjaan hendaklah dilakukan secara berhemat bagi menjamin pulangan nilai terbaik kepada negara. Kerajaan juga komited untuk memastikan baki semasa berada dalam keadaan lebihan, iaitu perbelanjaan mengurus dibiayai sepenuhnya melalui hasil, manakala pinjaman hanya digunakan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Kedudukan fiskal yang berdaya tahan membolehkan Kerajaan memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan negara serta menjamin agihan yang adil dan saksama kepada seluruh rakyat.

### 3. SENARIO EKONOMI NEGERI

- 3.1 Dengan azam dan tekad untuk meletakkan kepentingan rakyat sebagai sandaran utama, Kerajaan Negeri terus berusaha untuk meletakkan negeri Pahang ke suatu tahap yang lebih baik untuk memastikan setiap aspek kemakmuran negeri dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Sehubungan dengan itu, "**Prestasi Dipertingkat, Kemakmuran Dipertahan**" telah dipilih sebagai tema untuk

menggambarkan intipati keseluruhan Belanjawan Negeri Pahang pada tahun 2025.

- 3.2 Bagi tahun 2023, prestasi ekonomi Negeri Pahang tumbuh sebanyak 5.2 peratus mengatasi purata nasional 3.6 peratus serta berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai antara negeri paling pesat membangun di negara ini dengan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah RM64.9 bilion berbanding RM61.7 bilion pada tahun 2022. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor pembinaan (37.1%), perlombongan dan pengkuarian (9.6%), perkhidmatan (6%), pertanian (2.5%) dan pembuatan (2.1%). Kerajaan Negeri Pahang juga telah berjaya mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1.31 bilion sekali gus mengekalkan prestasi kutipan hasil melebihi RM1 bilion selama tiga tahun berturut-turut.
- 3.3 Negeri Pahang juga mensasarkan untuk menjadi hab ekonomi yang lebih dinamik sekali gus mampu untuk menarik pelaburan bernilai tinggi apabila berjaya menarik pelaburan komited berjumlah RM16.1 bilion pada tahun 2023. Statistik ini memperlihatkan keyakinan pelabur terhadap potensi serta kestabilan di bawah pimpinan kerajaan Negeri Pahang.
- 3.4 Berdasarkan prestasi suku tahun tahun keempat 2024 pula, ekonomi Malaysia menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.0% dengan negeri Pahang dijangka mengekalkan prestasi positif berdasarkan trend sebelumnya. Di dalam Belanjawan Negeri Pahang 2025 menyasarkan kutipan hasil sebanyak RM 1.194 bilion iaitu terdapat peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya. Fokus kerajaan negeri terhadap sektor pertanian, perumahan dan pendidikan mencerminkan usaha berterusan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan.
- 3.5 Namun, dalam penyediaan anggaran Belanjawan tahun 2026 dilihat agak mencabar disebabkan perlu mengambil kira kenaikan gaji melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dengan implikasi kewangan sebanyak RM 30 juta setahun, manakala perancangan kenaikan kutipan

hasil negeri sebanyak 5% sahaja. Justeru, Jabatan dan Agensi perlu sentiasa memastikan peruntukan wang awam dibelanjakan secara berhemah dan memberikan pulangan terbaik kepada rakyat.

#### **4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL**

- 4.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengambil daya usaha yang lebih serius untuk menganggar dan memungut setiap jenis hasil iaitu hasil bagi tahun semasa dan juga tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:
  - 4.1.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2026;
  - 4.1.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2026 yang boleh dipungut dalam tahun berkenaan;
  - 4.1.3 Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelumnya yang boleh dipungut dalam tahun 2026;
  - 4.1.4 Baki tunggakan terkumpul (tunggakan tahun-tahun sebelum yang tidak dapat dipungut dalam tahun semasa);
  - 4.1.5 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci dengan mengambil kira asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun; dan
  - 4.1.6 Penyediaan Anggaran Hasil 2026 hendaklah mengikut garis panduan di atas dengan menggunakan format ABM-7A, ABM-7B dan ABM-7C.

## 5. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2026

5.1 Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan menyediakan cadangan Belanja Mengurus yang jelas setelah mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja Jabatan. Ini adalah untuk memastikan Pegawai Pengawal dapat menguruskan peruntukan jabatan dengan cekap dan berkesan dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara berikut:

- 5.1.1 Perbelanjaan mengikut keutamaan program yang menyumbang secara signifikan kepada *outcome* Kerajaan Negeri;
- 5.1.2 Anggaran perbelanjaan bagi setiap item hendaklah mengambil kira keadaan politik, ekonomi, sosial, teknologi, kelestarian alam sekitar, persekitaran serta perundingan yang mempunyai impak secara langsung kepada Jabatan;
- 5.1.3 Memastikan keperluan emolument termasuk keperluan gaji/upah, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dikira secukupnya bagi pegawai kontrak yang dibayar di bawah Objek Am 10000 / Objek Sebagai 29000;
- 5.1.4 Mengambil kira perbelanjaan komitmen lain, terutamanya yang berkontrak setelah semakan semula ke atas skop dan kadar dibuat termasuk keperluan bayaran kos kemudahan perubatan bagi pegawai dan pesara Jabatan;
- 5.1.5 Memberi keutamaan kepada penyelenggaraan aset termasuk bangunan, kenderaan dan jalan negeri;
- 5.1.6 Memastikan permohonan peruntukan peralatan, kelengkapan dan kerja penyenggaraan adalah berdasarkan skop serta anggaran kos yang telah dikenalpasti melalui pelaksanaan penilaian aset

bangunan sedia ada selaras dengan dengan keperluan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA);

- 5.1.7 Hanya penggantian aset dibenarkan dan tiada permohonan baharu untuk perolehan harta modal di bawah Objek Sebagai 35000 daripada Jabatan / Agensi. Walau bagaimanapun, jabatan masih dibenarkan untuk memohon perolehan harta modal yang mendesak seperti berlaku kerosakan yang tidak boleh dibaiki dengan syarat permohonan disertakan justifikasi berserta gambar kerosakan tersebut;
- 5.1.8 Bagi perolehan kenderaan di bawah Objek Sebagai 34000 pula, Jabatan / Agensi masih dibenarkan membuat permohonan dengan kadar yang perlu sahaja. Setiap permohonan baharu yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang kepada Jabatan / Agensi mestilah disusuli dengan tindakan pelupusan kenderaan sedia ada yang telah uzur dan tidak kos efektif untuk digunakan. Permohonan kenderaan baharu mestilah dilampirkan dengan data kos pembaikan dan pencegahan aset setiap tahun, kekerapan kerosakan melebihi RM10,000.00 dan *virement* setiap tahun yang dilaksanakan untuk menampung kos pembaikan aset kenderaan yang semakin berumur;
- 5.1.9 Permohonan bagi perolehan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di bawah Objek Sebagai 35000 pula perlu dilakukan secara naziran oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan data yang dikemukakan akan diperhalusi bersama Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang; dan
- 5.1.10 Semua Jabatan / Agensi telah diberi tempoh sehingga **18 April 2025** untuk menyediakan dan memuktamadkan Anggaran Hasil dan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Jabatan / Agensi masing-masing. Sebarang kelewatan akan menyebabkan permohonan Jabatan / Agensi tidak dapat dilayan.

## Batas Perbelanjaan 2026

- 5.2 Sebagai makluman, formula Pengiraan Batas Perbelanjaan 2026 adalah seperti berikut :-

<p style="text-align: center;"><b>Batas Perbelanjaan 2026 = Dasar Sedia Ada 2025 + Dasar Baharu 2025 + Gaji (OS11000) SSPA pada 01.01.2026 + 3% Kenaikan Emolumen (OS 11000)</b></p>
--

- 5.3 Agihan kepada Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah dibuat berdasarkan kepada format yang mengandungi :

5.3.1 Anggaran Peruntukan Mengikut Aktiviti (Batas Perbelanjaan);

5.3.2 ABM-7 (Anggaran Perbelanjaan Dasar Baharu, Dasar Sedia Ada dan *One Off*);

5.3.3 Selaras dengan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), Jabatan hendaklah mengambilkira pelarasan gaji 3% tertakluk kepada skim perkhidmatan berkaitan mulai 1 Januari 2026; dan

5.3.4 Had maksimum kenaikan permohonan bagi setiap kod objek hendaklah tidak melebihi 5% daripada peruntukan tahun sebelumnya.

### 5.4 Dasar Baharu dan *One Off*

5.4.1 Cadangan Dasar Baharu , *One Off*, Cadangan Penjimatan serta lampiran-lampiran sampingan hendaklah dikemukakan untuk tahun 2026. Bagi permohonan peruntukan Dasar Baharu tidak dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Pemeriksaan Belanjawan tahun 2026 melainkan untuk emolumen (gaji dan upahan) di bawah Objek Sebagai 11000 sahaja dan hanya permohonan peruntukan

secara *One-Off* daripada Jabatan / Agensi sahaja yang akan dipertimbangkan. Dalam mengemukakan permohonan untuk Dasar Baharu, Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian kepada perkara berikut :

5.4.1.1 Cadangan penjimatan hendaklah dikemukakan sekiranya terdapat penjimatan kos akibat pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses; dan

5.4.1.2 Permohonan yang tidak diperuntukkan dalam peruntukan belanjawan semasa perlu mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau yang berkaitan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan; dan

5.4.2 Cadangan Dasar Baharu dan *One Off* hendaklah diisi menggunakan format berikut :-

5.4.2.1 ABM-4 (Ringkasan Dasar Baharu dan *One Off*);

5.4.2.2 ABM-5 (Cadangan bagi setiap Dasar Baharu / *One Off*); dan

5.4.2.3 ABM-6 (Cadangan Penjimatan bagi setiap Dasar Baharu dan *One Off*).

## **6. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA PEMBANGUNAN TAHUN 2026**

6.1 Tahun 2025 merupakan tahun kelima iaitu tahun terakhir bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Justeru, tahun 2026 adalah tahun pengenalan kepada pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negeri Pahang (RPNP) Lima Tahun 2026-2030 yang diselaraskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN). Pegawai Pengawal hendaklah

memastikan peruntukan tahun 2026 yang dimohon telah mengambil kira keupayaan pelaksanaan program atau projek berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut.

6.2 Semua perancangan program hendaklah turut mengambil kira pembudayaan norma baharu bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan iaitu:

6.2.1 Memansuhkan program yang tidak kritikal;

6.2.2 Memberikan keutamaan kepada projek sambungan yang belum selesai dan projek kelulusan khas oleh Kerajaan;

6.2.3 Pelaksanaan projek fizikal baharu seperti pembangunan kuarters baharu dan kompleks pejabat baharu adalah tidak dibenarkan;

6.2.4 Menyemak tahap kecekapan output dan tahap keberkesanan *outcome* sesebuah program / aktiviti jabatan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PS) 1.3: Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan;

6.2.5 Menyemak skop program / aktiviti sedia ada mengikut keutamaan; dan

6.2.6 Mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan dan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan.

6.3 Jabatan hendaklah mengambil kira agenda keterangkuman secara menyeluruh dalam membuat analisis masalah / keperluan pelanggan / pihak berkepentingan bagi menentukan *outcome* dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI) bagi perancangan prestasi dan penyediaan belanjawan termasuklah perkara-perkara berikut :

- 6.3.1 Mengutamakan program yang memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan secara inklusif;
  - 6.3.2 Memperkukuh perlindungan sosial rakyat, terutamanya golongan yang mudah terjejas serta lebih tertumpu kepada golongan rentan, kurang upaya, wanita, warga emas dan yang kehilangan pekerjaan;
  - 6.3.3 Menentukan pengagihan yang seimbang antara wilayah bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah; dan
  - 6.3.4 Memastikan peluang pembangunan yang disediakan bagi perusahaan mikro, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan bumiputera di sepanjang rantai bekalan.
- 6.4 Selaras dengan penetapan hala tuju pembangunan tersebut, semua senarai projek yang akan dipertimbangkan hendaklah berdasarkan kepada fokus tersebut. Pegawai Pengawal mesti mendapatkan kelulusan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) untuk melaksanakan projek-projek sebelum mengemukakan cadangan bajet bagi mendapatkan peruntukan.
- 6.5 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak yang berkenaan berdasarkan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, jabatan dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.
- 6.6 Pegawai Pengawal mesti merancang pelaksanaan projek dengan cekap. Pegawai Pengawal dan agensi Pelaksana Projek perlu memastikan bahawa nilai wang (*value for money*) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan menghasilkan output dan impak maksima yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu menyenarai utamakan projek-projek yang hendak

dilaksanakan dan peruntukan yang dimohon perlulah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan sebenar dan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

## 7. PERJAWATAN

- 7.1 Kerajaan Negeri akan memastikan jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam negeri bersesuaian bagi memastikan jabatan Kerajaan terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera penyampaian. Di dalam menimbang penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kerajaan Negeri akan terus berpandukan kepada dasar-dasar sedia ada seperti meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan dan meningkatkan pembangunan sumber manusia.
- 7.2 Permohonan peruntukan di bawah Kod Objek Am 10000 hendaklah berdasarkan pengisian jawatan sedia ada sahaja. Peruntukan tambahan akan disalurkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada tahun 2026 sekiranya diperlukan.
- 7.3 Permohonan baharu bagi pegawai kontrak (*Contract of Service (COS) / Contract for Service (CFS)*) adalah tidak digalakkan dan perjawatan sedia ada COS / CFS perlulah disemak semula keperluan dengan justifikasi kukuh untuk disambung.
- 7.4 Kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan kelulusan daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara / kontrak di bawah **Objek Sebagai 29000**.
- 7.5 Permohonan peruntukan untuk jawatan kosong (tidak diisi) hendaklah berdasarkan kepada kesesuaian tempoh pengisian yang dianggap munasabah. Untuk tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan kepastian dari Pejabat Setiausaha Kerajaan mengenai pengisian jawatan

tersebut. Keperluan peruntukan untuk jawatan kosong hendaklah dipohon dengan mengisi format ABM-3B bagi tempoh **6 bulan gaji**.

## **8. PENYAMPAIAN CADANGAN BELANJAWAN 2026**

8.1 Tatacara menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2026 adalah seperti di Lampiran 1, Lampiran 2 dan Lampiran 3. Format-format yang perlu diisi adalah seperti berikut:

### **LAMPIRAN 1 - Anggaran Hasil**

- (i) Format ABM - 7A - Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai.
- (ii) Format ABM - 7B - Butiran Hasil Mengikut Objek Lanjut
- (iii) Format ABM - 7C - Anggaran Hasil Tahun 2026

### **LAMPIRAN 2 - Anggaran Belanja Mengurus**

- (i) Format ABM - 1 - Ringkasan Eksekutif
- (ii) Format ABM - 2 - Perjanjian Program
- (iii) Format ABM - 3 - Ringkasan Kedudukan Keanggotaan
- (iv) Format ABM - 3A - Ringkasan Mengenai Emolumen
- (v) Format ABM - 3B - Keterangan Mengenai Jawatan Kosong
- (vi) Format ABM - 4 - Ringkasan Cadangan Dasar Baharu dan "One off"

- (vii) Format ABM - 5 - Cadangan Dasar Baharu dan "One off"
- (viii) Format ABM - 6 - Cadangan Penjimatan
- (ix) Format ABM - 7 - Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2026 Mengikut Objek Am dan Objek Sebagai

### **LAMPIRAN 3 - Anggaran Belanja Pembangunan**

- (i) AP - 1 - Ringkasan Eksekutif
- (ii) AP - 2 - Justifikasi Anggaran Pembangunan
- (iii) Lampiran AP - Maklumat Skop Projek Pembangunan

- 8.2 Pegawai Pengawal dikehendaki merancang dan menyediakan anggaran keperluan peruntukan dengan teliti bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Unjuran keperluan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan hendaklah disediakan dengan tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi pelaksanaan sesuatu program atau projek.
- 8.3 Permohonan peruntukan tambahan hanya akan dipertimbangkan bagi keperluan Objek Am 10000 Emolumen sahaja dan Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan permohonan bagi peruntukan tambahan dihantar ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **sebelum atau pada 20 Jun 2025 (Jumaat)**.
- 8.4 Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2026 hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang sebelum atau pada 20 Jun 2025 (Jumaat) dengan jumlah salinan seperti berikut :

- 8.4.1 **Satu (1) salinan *soft copy* Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan** dalam bentuk CD / pendrive atau diemelkan kepada emel: [pknbajet@pahang.gov.my](mailto:pknbajet@pahang.gov.my). Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua Borang ABM 1 hingga 7, AP-1, AP-2 dan Lampiran AP telah lengkap dan sempurna;
- 8.4.2 **Dua (2) salinan *hard copy* Cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM-3 hingga ABM-7). Asingkan Ringkasan Eksekutif dan Perjanjian Program dua (2) salinan;**
- 8.4.3 **Dua (2) salinan *hard copy* Cadangan Anggaran Hasil ABM 7A, 7B dan 7C; dan**
- 8.4.4 **Dua (2) salinan *hard copy* Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan dan satu (1) salinan** hendaklah dikemukakan terus kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Projek-projek yang diperakukan oleh BPEN sahaja yang akan dipertimbangkan.
- 8.5 Pegawai Pengawal dikehendaki memasukkan Data Belanjawan untuk Tahun 2026 ke dalam Sistem iSPEKS - Modul Bajet. Sila rujuk Manual iSPEKS - Sistem Belanjawan yang telah diedarkan kepada semua Pegawai Pengawal. Kemasukan Data Belanjawan dalam Sistem iSPEKS perlu disiapkan selepas mendapat kelulusan daripada Sidang Dewan Negeri Pahang pada bulan Noember atau Disember.

## **9. PEMERIKSAAN BELANJAWAN 2026**

- 9.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus dan Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan akan diadakan pada bulan Julai 2025. Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan hadir sendiri bersama pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) Laporan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2024 dan 2025 (terkini); dan
- (ii) Surat / Dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus / Pembangunan Tahun 2026.


## 10. PENUTUP

10.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya memberikan perhatian serius dalam merancang dan menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2026 bagi jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATO' INDERA HAJI FADZILLA BIN HAJI SALLEH, DSAP., DIMP., SMP., AAP. )**

**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

**PAHANG DARUL MAKMUR**

Bertarikh  Ogos 2025

s.k YAB Menteri Besar Pahang  
YB Setiausaha Kerajaan Pahang  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)  
Pengarah Audit Cawangan Pahang  
Akauntan Negeri  
Ketua Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan

**SENARAI EDARAN :**

1. Pengeloa Bijaya Diraja KDPB Sultan Pahang
2. YB Setiausaha Kerajaan Pahang - Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pahang
4. Setiausaha Bahagian (MMK & Dewan)
5. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
6. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
7. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
8. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang
9. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang
10. Pegawai Daerah Bentong
11. Pegawai Daerah Cameron Highlands
12. Pegawai Daerah Jerantut
13. Pegawai Daerah Kuantan
14. Pegawai Daerah Lipis
15. Pegawai Daerah Pekan
16. Pegawai Daerah Raub
17. Pegawai Daerah Temerloh
18. Pegawai Daerah Rompin
19. Pegawai Daerah Maran
20. Pegawai Daerah Bera
21. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang
22. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang
23. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang
24. Pengarah PlanMalaysia@Pahang (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

25. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang
26. Pegawai Kemajuan Negeri Pahang
27. Sahibus Samahah Jabatan Mufti Negeri Pahang, Pekan
28. Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang